

Membentuk Kepimpinan Dalam Diri Pelajar

oleh: Maslinda binti Haris

AHAD, 30 MAC - Seramai 38 pelajar telah mengikuti program “Kem Kepimpinan Motivasi *Towards 1st Leader*” bertemakan “Pemimpin Proaktif Pemacu Kecemerlangan” yang dianjurkan oleh barisan ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMS.

Program ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada sifat kepimpinan dan motivasi diri para pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada Pengawas Sekolah, Ketua Kelas, Pengawas Pusat Sumber, Pembimbing Rakan Siswa dan para pelajar yang mempunyai potensi menjadi pemimpin yang berkaliber.

Para pelajar turut didedahkan dengan cara pengendalian tugas yang pelbagai melalui latihan dalam kumpulan serta pelbagai aktiviti untuk menilai



Aktiviti yang dijalankan di Dewan Kuliah Pusat UMS

potensi mental, fizikal dan emosi para peserta supaya lebih bersedia dalam apa jua keadaan.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah slot-slot motivasi seperti “Redah IQ”, “Gempur Berjaya”, “*Leader Corner*”, “*Eksplorace*”, aktiviti malam dan kemuncaknya mendaki puncak Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dalam program ini, pelbagai aktiviti perkongsian dilakukan bersama para peserta. Hal ini kerana, sifat dan kepimpinan yang ada pada seorang mahasiswa dan ahli Pembimbing Rakan Siswa akan lebih mudah didekati oleh para pelajar sekolah menengah yang mengikuti kem kepimpinan ini. Penutupan program ini dirasmikan oleh En. Alwi dari bahagian Kebajikan Pelajar.